

Pusat baru cetak 3D fokus pada penjagaan kesihatan

PERTUMBUHAN semula tisu, implan serta rumusan ubat yang dihasilkan melalui percetakan tiga dimensi (3D) merupakan sebahagian daripada apa yang akan diterokai di pusat percetakan 3D bernilai \$18 juta yang baru dilancar semalam.

Pusat Universiti Nasional Singapura bagi Pengilangan Bahan Tambahan (AM.NUS) yang makmalnya berpusat di kampus NUS di Kent Ridge itu akan membangun dan menggunakan teknologi percetakan 3D dalam bidang bioperubatan dan penjagaan kesihatan.

Pusat baru itu juga akan memanfaatkan kepakaran pelbagai disiplin NUS daripada Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains, Fakulti Pergigian dan Sekolah Reka Bentuk dan Alam Sekitar, serta menjalankan kursus buat pelajar pascasiswazah.

Pengarah Bersama pusat itu daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal di Fakulti Kejuruteraan NUS, Profesor Jerry Fuh Ying-Hsi, berkata:

“Pusat NUS bagi Pengilangan Bahan Tambahan akan memainkan peranan penting dalam menyokong visi Singapura menjadi hab AM (Pengilangan Bahan Tambahan) terkemuka.

“Melalui gabungan kepakaran pelbagai fakulti ini, kami berharap dapat meningkatkan keupayaan teknologi serta memajukan pembangunan hak milik intelektual dan pengkomersialan teknologi bioperubatan AM.”

Pengarah Bersama AM.NUS yang juga daripada Sekolah Perubatan NUS Yong Loo Lin, Profesor Madya Wilson Wang Ee Jen, menambah:

“Kami telah menyasarkan sektor bioperubatan, kerana matlamat akhirnya adalah memperkenalkan produk inovatif baru ke pasaran yang dapat meningkatkan keberhasilan pesakit dan penjagaan kesihatan.”

Sementara itu, Setiausaha Parlimen (Kesihatan), Encik Amrin Amin, melancarkan pusat itu di Sidang Kemuncak Kesihatan Namic, di Hotel Fort Canning semalam.

“Tumpuan khusus AM.NUS pada aplikasi penjagaan kesihatan selanjutnya bertujuan membawa teknologi terkini yang inovatif klinis, dengan matlamat meningkatkan hasil yang akan dinikmati pesakit,” kata beliau.

“Yang penting, kerjasama ini akan menyatukan industri, klinis, hospital, jurutera dan pereka untuk menangani isu penjagaan kesihatan yang rumit.”

Dana awal \$18 juta adalah daripada NUS, Kelompok Inovasi Pengilangan Bahan Tambahan Kebangsaan dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Singapura.

Empat rakan kongsi industri – Creatz3D, Dou Yee Enterprises, Forefront Additive Manufacturing dan Osteopore International – turut menandatangani Memorandum Persefahaman dengan pusat tersebut.



SATUKAN PAKAR PELBAGAI BIDANG:
Encik Amrin (*empat dari kiri*) melancarkan Pusat Universiti Nasional Singapura bagi Pengilangan Bahan Tambahan (AM.NUS) semasa Sidang Kemuncak Kesihatan Namic, di Hotel Fort Canning semalam dengan disaksikan (*dari kiri*) Pengarah Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF), Encik George Loh; Dekan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin, NUS, Profesor Madya Yeoh Khay Guan; Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) NUS Enterprise, Dr Lily Chan; CEO NTU-NTUitive, Dr Lim Jui; Dekan Fakulti Kejuruteraan NUS, Profesor Chua Kee Chaing; dan Ketua Precision Engineering, Encik Kelvin Zin.
– Foto NAMIC